

Terus berjuang bebaskan belenggu COVID-19

Surat Harian (Kampong) 1 September 2021 (Rabu) m/s: 11

Oleh Safriza Baharuddin
dan Razman Ramedan
bhrencana@bh.com.my



Laungan keramat 'merdeka' sering kita dengar setiap kali menjelang 31 Ogos. Ia menyemat semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama.

Zaman kini tidak seperti dahulu ketika kita dijajah bangsa asing dan komunis. Pejuang kemerdekaan bergadai nyawa memastikan negara tercinta bebas daripada penjajahan.

Kini, pada era serba maju, kita dijajah pula pandemik COVID-19. Ternyata kita belum bebas sepenuhnya.

Isu seperti kematangan pemikiran, sikap, ekonomi Bumiputera, kesihatan, keselamatan dan kewangan membuktikan kita memerlukan satu anjakan pemikiran.

Kita juga belum merdeka sepenuhnya selagi musuh baharu yang menyerang setiap pelosok negara terus menyebabkan rakyat hidup ketakutan dan kesusahan.

Ujian pandemik menguji segelintir kekuatan hati manusia. Ada yang dahulunya tergolong dalam T20, menerima musibah jatuh ke tahap M40 dan B40. Kerancangan industri seperti penerbangan, pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pembinaan, pengurusan acara, perkhidmatan dan pertanian dikejutkan dengan

kecutnya graf permintaan serta halangan pergerakan.

Ramai penggiat industri dalam bidang ini gulung tikar. Ia juga memberi impak tinggi terhadap pengangguran.

Jika COVID-19 masih tidak dapat dikawal, tidak mustahil impaknya akan lebih besar.

Namun, hikmah di sebalik ujian Allah SWT memberi seribu makna dalam kehidupan. Perubahan akibat sekatan pergerakan menyebabkan keakraban keluarga semakin bertambah, kesihatan diri serta orang tersayang menjadi keutamaan, pemakanan sihat menjadi keperluan dan bukan lagi kehendak.

Perniagaan dalam talian menjadi pilihan kerana kekangan pergerakan, malah pekerjaan dalam sektor ekonomi gig tumbuh seperti cendawan selepas hujan.



Vaksinasi bantu kita untuk bersama-sama merdeka daripada pandemik COVID-19. (Foto hiasan)

Dalam usaha 'memerdekakan' rakyat daripada ancaman pandemik juga, kerajaan mendatangkan pelbagai inisiatif dan pakej rangsangan membatik suntikan yang bukan sedikit nilainya untuk membantu. Namun sampai bila?

Sudah sampai masa, kerajaan mengubah bentuk bantuan lebih mampan dan bersifat jangka panjang seperti mengurangkan kerenah birokrasi dalam proses memulakan perniagaan, menyediakan lebih banyak tempat perniagaan, pengecualian cukai pendapatan dan perniagaan bagi usahawan PKS, memperbanyakkan platform perniagaan dan sebagainya.

Amat wajar segenap lapisan masyarakat menjiwai dan memupuk sikap patriotisme yang bukan sekadar meraikan sambutannya setiap tahun, bahkan menjiwai roh merdeka itu setiap masa.

Jangan jadikan pandemik alasan untuk tidak mengenang jasa dan pengorbanan pejuang negara terdahulu serta barisan hadapan yang bertungkus-lumus mempertahankan negara daripada ancaman COVID-19.

Kita juga harus memainkan peranan memberi kerjasama untuk 'merdeka' daripada pandemik COVID-19.

Sebagai rakyat yang prihatin, marilah bersama-sama mengisi dan menghayati erti kemerdekaan dengan mengamalkan nilai murni, meningkatkan kemahiran dan menambahkan ilmu pengetahuan.

Ingatlah, kita belum 'merdeka' dalam menentang penjajahan alaf baharu ini. Justeru, jadikan semangat kemerdekaan asas untuk sama-sama memerangi 'musuh tidak kelihatan' ini.

Yakinlah bahawa kita mampu melawan pandemik sekiranya semua rakyat saling bekerjasama dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) digariskan.

Safriza adalah Pegawai Penerbitan Kanan, Universiti Malaysia Pahang (UMP), manakala Razman adalah Pensyarah University College of Yayasan Pahang (UCYP)